

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April, 1995

AKP301 - PERAKAUNAN KEWANGAN III

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Soalan 1

- (a) Di dalam sebuah mesyuarat yang diadakan pada 1hb Ogos 19X2, pihak pengarah Syarikat Viva menimbangkan kedudukan syarikat yang ditunjukkan di dalam kunci kira-kira dan maklumat-maklumat lain.

Kunci Kira-Kira pada 30hb. Jun 19X2	
Modal dibenarkan	(RM 000)
	30,000
Modal diterbitkan dan berbayar	
5,000,000 6% saham keutamaan terkumpul RM1 berbayar penuh	5,000
20,000,000 saham biasa RM 1 berbayar sehingga RM 0.75	15,000

Tolak: Peruntukan untung rugi	20,000
	5,000 (Dr)
Modal saham dan rezab	15,000

7% nota tidak bercagar (termasuk RM 500,000 faedah belum dibayar)	7,500
Pembiutang	11,000

	33,500
	=====
Tunai	1,000
Aset semasa yang lain	8,750
Paten	3,000
Aset tetap yang lain	20,750

	33,500
	=====

...2/-

Maklumat lain:

- Dividen bagi saham keutamaan yang tertunggak berjumlah RM 600,000.
- Pembiutang sejumlah RM 4,000,000 memberi amaran untuk membubarkan syarikat.
- Paten dipercayai tidak mempunyai sebarang nilai sekarang.

Kedudukan kewangan syarikat yang agak serius ini menyebabkan pihak pengarah mencadangkan skim menyusun semula organisasi (reconstruction scheme), yang mana telah di persetujui sebulat suara.

- (i) 6% saham keutamaan terkumpul. Walaupun saham-saham tersebut mempunyai keutamaan terhadap pulangan kepada modal (return to capital), pemegang-pemegang saham keutamaan (paid-up capital) telah bersetuju untuk menurunkan nilai berbayar setiap saham sebanyak RM 0.25 dengan syarat dividen yang masih tertunggak dilangsakan dan kadar dividen dinaikkan kepada $7\frac{1}{2}\%$.
- (ii) Saham biasa. Panggilan sebanyak RM 0.25 akan dibuat, dimana kemudiannya modal berbayar akan diturunkan sebanyak RM 0.40 sesaham.
- (iii) 7% nota tidak bercagar. Pemegang nota tersebut bersetuju untuk tidak menuntut bayaran dengan segera dengan syarat Syarikat Viva menukarkan $\frac{1}{3}$ daripada amaun terhutang kepada 10% saham keutamaan RM 1 berbayar penuh setiap satu.
- (iv) Pembiutang. Kesemua pembiutang bersetuju untuk menyediakan kredit jangka pendek dengan syarat kesemua akaun "60 hari dan lebih" berjumlah RM4,500,000 dibayar.
- (v) Kerugian. Baki debit di dalam akaun peruntukan untung rugi akan dihapuskan.

Kesemua wang daripada panggilan saham biasa telah diterima pada 1hb September di mana cadangan selanjutnya telah dijalankan.

Sediakan catatan jurnal yang diperlukan untuk merekodkan pengorganisasian semula dan sediakan kunci kira-kira selepas pengorganisasian semula.

- (b) Terangkan secara ringkas bagaimana Akta Syarikat dan kes undang-undang boleh menyekat jumlah yang boleh diagihkan dalam bentuk dividen.

[25 markah]

...3/-

Soalan 2

Pengarah-pengarah bagi tiga syarikat di dalam industri yang sama telah bersetuju untuk menyusun semula operasi syarikat mereka dengan menggunakan skim pengorganisasian semula yang agak kompleks. Kunci kira-kira bagi ketiga-tiga buah syarikat pada 31hb Mac 19X5 adalah seperti di bawah.

	Merah (RM000) 30,000	Hijau (RM000) 20,000	Biru (RM000) 10,000
Modal dibenarkan	-----	-----	-----
Modal diterbitkan dan berbayar (RM 1 saham biasa)	22,000	16,000	10,000
Premium saham			2,000
Rezab am	5,000	2,200	
Peruntukan untung rugi	6,000	6,400	3,000 (Dr)
Tabung pemegang saham	33,000	24,600	9,000
8% debentur	10,000		
Overdraf bank		3,400	1,000
Lain-lain liabiliti	11,000	7,000	4,000
	54,000	35,000	14,000
Bank	4,500		
Penghutang	13,600	6,100	2,700
Stock di dalam tangan	21,600	18,300	5,200
Logi dan peralatan (pada kos tolak susutnilai)	7,300	4,750	1,900
Bangunan (pada kos)	3,000	2,100	1,800
Tanah milik bebas	4,000	3,750	2,400
	54,000	35,000	14,000

Sebuah syarikat yang baru, Syarikat Ungu, yang akan menjadi landasan untuk penyusunan telah diperbadankan pada 1hb April 19X5 dengan modal dibenarkan sebanyak RM75,000,000 terbahagi kepada 15,000,000 10% saham keutamaan terkumpul RM1 seunit dan 60,000,000 saham biasa RM1 seunit. Sejurus selepas perbadanan Syarikat Ungu telah melakukan transaksi-transaksi berikut.

Syarikat Merah - tertakluk kepada penilaian semula akan aset dan liabiliti kecuali debentur, diperolehi dengan pertukaran sebanyak 25,000,000 unit saham biasa RM1 berbayar penuh. Ganjaran pembelian juga termasuk 10,000,000 unit 10% saham keutamaan terkumpul RM 1 berbayar penuh yang akan digunakan untuk melangsangkan debentur. Dua aset telah dinilai semula penghutang kepada RM13,000,000 dan stok di dalam tangan kepada RM20,000,000. Syarikat kemudian dibubarkan.

Syarikat Hijau - kesemua aset dan liabiliti diperolehi pada nilai buku dengan pertukaran sebanyak 20,000,000 saham biasa RM1 seunit berbayar penuh. Syarikat kemudian dibubarkan.

Syarikat Biru - kesemua saham yang diterbitkan diperolehi dengan pertukaran sebanyak 7,500,000 saham biasa RM1 berbayar penuh.

Sediakan:

- (a) Catatan jurnal yang diperlukan untuk merekodkan transaksi-transaksi tersebut didalam buku Syarikat Ungu.
- (b) Kunci kira-kira Syarikat Ungu.
- (c) Akaun yang dikehendaki untuk menutup buku Syarikat Merah.
- (d) Terangkan mengapa ianya tidak berpatutan untuk merekodkan saham yang diterbitkan kepada pemegang saham Syarikat Biru pada nilai par.
- (e) Huraikan sebuah skim pengorganisasian semula yang berlainan yang akan menghasilkan hasil yang berkesan.

[25 markah]

Soalan 3

- (a) Pada 1hb. Januari 19X3 Syarikat Retah telah memperolehi 60% daripada saham terbitan Syarikat Duku untuk RM15,000,000. Pada ketika itu, ekuiti pemegang saham Syarikat Duku adalah terdiri daripada: modal berbayar RM20,000,000; peruntukan untung rugi RM4,000,000. Tiada dividen telah dibayar daripada keuntungan sebelum pemerolehan (pre-acquisition profits).

Maklumat lain yang berkaitan untuk tahun berakhir 31hb Disember 19X7:

- Syarikat Duku telah menjual barang berkos RM1,200,000 kepada Syarikat Retah pada harga RM1,800,000.
- Keuntungan belum di realisasi di dalam inventori adalah
 - barang dibeli dari Sy. Duku semasa 19X7 RM100,000
 - barang dibeli dari Sy. Duku semasa 19X6 50,000

...5/-

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31hb Disember 19X7.

	Retah (RM000)	Duku (RM000)
Jualan	14,000	5,000
Kos barang dijual	9,500	3,000
 Untung kasar	 4,500	 2,000
Belanja	2,100	500
 Dividen dari anak syarikat	 2,400	 1,500
 Untung bersih	 3,900	 1,500
Peruntukan untung rugi 31/12/X6 b/f	19,000	12,000
 Dividen dicadangkan	 22,900	 13,500
 Peruntukan untung rugi 31/12/X6 c/f	 16,900	 11,000
Modal berbayar	31,000	20,000
Peruntukan untuk dividen belum bayar	6,000	2,500
Pendahuluan daripada Sy. Duku	5,000	
Liabiliti lain-lain	7,100	6,500
 RM 65,000	 RM 40,000	
 Peruntukan untuk dividen belum terima	 1,500	
Inventori	4,000	3,800
Pendahuluan kepada Retah		5,000
Pelaburan didalam Sy. Duku	15,000	
Tanah milik bebas	23,000	17,000
Aset-aset lain	21,500	14,200
 RM 65,000	 RM 40,000	

Dikehendaki:

Sediakan penyata penyatuan (consolidated statement).

- (b) Stok di dalam tangan bagi Syarikat Amang, yang mana menguasai 80% daripada modal terbitan Syarikat Bendul, termasuk barang bernilai RM200,000 yang dibeli daripada anak syarikatnya. Barang tersebut berkos RM150,000 kepada Syarikat Bendul. Juruaudit telah menyoal akan tindakan syarikat terhadap keuntungan belum di realisasi ini didalam penyata kewangan.

Dikehendaki:

- i) Tuliskan nota ringkas menerangkan akan istilah, keuntungan belum direalisasi (unrealised profit).
- ii) Bina sebuah jadual yang akan menunjukkan pelbagai kesan apabila menggunakan kaedah berlainan untuk mengambil kira keuntungan belum direalisasi.
- iii) Nyatakan dan berikan alasan, kaedah mana yang patut digunakan oleh pihak syarikat.
[25 markah]

...6/-

Soalan 4

Pada 1hb Julai 19X2, Syarikat Kejora telah memperolehi kesemua saham terbitan Syarikat Marikh untuk RM52,000,000. Pada waktu itu ekuiti pemilik Syarikat Marikh adalah : Modal berbayar RM28,000,000; Peruntukan untung rugi RM22,000,000. Sebuah syarikat lain di dalam industri yang sama, Syarikat Pluto, yang sedang melancarkan polisi perkembangan melalui pemerolehan, telah membeli 75% kepentingan di dalam Syarikat Kejora untuk RM75,000,000 pada 1hb Julai 19X4. Pada waktu itu ekuiti pemilik Syarikat Kejora adalah: Modal berbayar RM60,000,000; Premium saham RM10,000,000; Peruntukan untung rugi RM24,000,000. Nilai saksama asset-asset beroperasi lain di dalam Syarikat Kejora adalah RM1,000,000 lebih tinggi daripada nilai buku.

Pada waktu yang sama, baki di dalam akaun peruntukan untung rugi Syarikat Marikh adalah RM23,000,000. Sejak itu Kumpulan tersebut telah beroperasi dengan jayanya dan maklumat dibawah telah diberikan.

- Jualan antara syarikat sepanjang tahun berakhir 30hb Jun 19X7

Marikh ke Kejora	RM10,000,000 (kos RM6,200,000)
Marikh ke Pluto	RM5,000,000 (kos RM3,000,000)

- Keuntungan belum di realisasi di dalam inventori

	<u>1 Julai X6</u>		<u>30 Jun X7</u>
	Keuntungan blm. direalisasi	Nilai buku	Keuntungan blm. direalisasi
Sy. Kejora	RM 120,000	RM 1,200,000	RM 200,000
Sy. Pluto	40,000	250,000	60,000

- Kedua syarikat mengawal inventori dengan menggunakan kaedah inventori berkala (periodic method) untuk merekodkan transaksi.
- Cukai ke atas syarikat adalah 40%.
- Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30hb Jun 19X7.

- 7 -

	Pluto (RM000)	Kejora (RM000)	Marikh (RM000)
Jualan	103,000	96,000	50,000
Tolak: Kos barang dijual	67,000	51,000	29,000
-----	-----	-----	-----
Untung kasar	36,000	45,000	21,000
Belanja kendalian (termasuk susutnilai)	11,000	14,000	7,500
-----	-----	-----	-----
Keuntungan operasi bersih	25,000	31,000	13,500
Dividen dari anak syarikat	9,000	5,600	-----
-----	-----	-----	-----
Keuntungan bersih	34,000	36,600	13,500
Peruntukan untung rugi 1/07/X6	61,000	30,000	24,100
-----	-----	-----	-----
	95,000	66,000	37,600
-----	-----	-----	-----
Dividen dibayar	10,000	6,000	2,000
Dividen dicadangkan	15,000	6,000	3,600
-----	-----	-----	-----
	25,000	12,000	5,600
-----	-----	-----	-----
Peruntukan untung rugi 30/06/X7	70,000	54,600	32,000
-----	-----	-----	-----

Kunci kira-kira pada 30hb Jun 19X7

	Pluto (RM000)	Kejora (RM000)	Marikh (RM000)
Modal berbayar	100,000	60,000	28,000
Premium saham	80,000	10,000	-----
Peruntukan untung rugi	70,000	54,600	32,000
Peruntukan untuk dividen belum bayar	15,000	6,000	3,600
Pendahuluan - syarikat berkaitan	14,000	6,000	-----
Liabiliti lain-lain	71,000	53,400	31,000
-----	-----	-----	-----
	350,000	190,000	94,600
-----	-----	-----	-----
Peruntukan dividen belum terima	4,500	3,600	-----
Inventori	27,000	12,000	7,000
Pendahuluan - syarikat berkaitan			20,000
Aset boleh susutnilai tolak susutnilai terkumpul (a)	110,000	72,000	38,000
Aset beroperasi lain	135,500	50,400	29,600
Pelaburan dalam anak syarikat	75,000	52,000	-----
-----	-----	-----	-----
	350,000	190,000	94,600
-----	-----	-----	-----

...8/-

- 8 -

- Aset boleh susut nilai pada kos tolak:susut nilai terkumpul	140,000	95,000	57,000
	30,000	23,000	19,000
	-----	-----	-----
	110,000	72,000	38,000
	-----	-----	-----

Dikehendaki:

Sediakan penyata penyatuan.

[25 markah]

Soalan 5

- (a) Syarikat Ambon di perbadankan pada 1hb. Julai 19X3 dengan modal berbayar sebanyak RM 10,000,000 terbahagi kepada saham biasa RM1 seunit. Pengarah telah mempelawa langganan untuk 5,000,000 unit saham biasa RM1 seunit pada harga RM1.25 dibayar RM0.50 semasa permohonan (termasuk premium), RM0.25 semasa umpukan dan dua panggilan RM0.25 setiap satu. Langganan juga dipelawa untuk 1,000 unit debentur RM1,000 seunit dibayar penuh dengan permohonan dan diberi diskain sebanyak 2%. Debentur ini adalah untuk 15 tahun dan membawa berfaedah 5% setahun. Prospektus juga menyatakan sekiranya terbitan ini berjaya, syarikat akan memperoleh perniagaan kepunyaan Encik Ambon untuk RM1,000,000 - aset ketara dan liabiliti akan diambil alih pada nilai kunci kira-kira dan ganjaran pembelian adalah dalam bentuk 400,000 unit saham biasa RM1 berbayar penuh dan RM400,000 tunai.

Syarikat Ambon
Kunci kira-kira pada 30hb Jun 19X3

Akaun belum bayar	RM 100,000	Akaun belum terima	RM 115,000
Modal - Encik Ambon	900,000	Inventori	160,000
		Logi RM150,000	
		-s/n t. 25,000	
		-----	125,000
		Bangunan	200,000
		Tanah	400,000
	-----		-----
	1,000,000		1,000,000
	-----		-----

Sehingga tarikh tutup, 26 July 19X3, permohonan telah diterima untuk 5,000,000 unit saham dan 1,000 debentur. Pengarah telah membuat perumpukan untuk terbitan tersebut.

Dikehendaki:

Rekodkan transaksi tersebut di dalam akaun yang berkaitan ATAU berikan catatan jurnal yang berkaitan DAN sediakan kunci kira-kira pada 26hb Julai 19X3.

...9/-

- 9 -

- (b) (i) Tuliskan karangan yang menunjukkan perbezaan di antara hak dan opsyen (rights and options).
- (ii) Kirakan nilai tertinggi yang mungkin untuk hak terbitan saham berikut

Nilai pasaran saham biasa	RM 4.20
Harga terbitan	2.50
Saham sudah diterbitkan	10,000,000
Terbitan kini	2,000,000

- (c) Di bawah perakaunan ekuiti, apakah tindakan perakaunan yang perlu diambil untuk keuntungan dan kerugian belum direalisasi yang berlaku hasil dari transaksi di antara syarikat berhubungan.

[25 markah]

- oooOooo -

